

**Tanggapan kebergunaan sistem e-pembelajaran mempengaruhi kualiti
kehidupan kerja dan kepuasan kerja dalam kalangan kakitangan akademik
institusi pengajian tinggi di Sabah**

ABSTRAK

Penggunaan teknologi dalam pendidikan moden telah membuka ruang untuk kakitangan akademik menambah nilai dan kemahiran dalam tuntutan kerjaya mereka. Khususnya bagi tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi (IPT), yang mana hampir keseluruhan IPT di Malaysia sudah mengaplikasikan sistem e-learning atau e-pembelajaran sebagai platform utama untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran, pengajaran dan latihan. E-pembelajaran menjadi penghubung kepada aktiviti kuliah dan tutorial yang mana dilakukan melalui pembelajaran teradun atau blended learning dan tidak terbatas kepada pertemuan fizikal sahaja. Penggunaan informasi teknologi seperti komputer, TV interaktif dan aplikasi digital memudahkan kelompok pengguna untuk mengakses e-pembelajaran tanpa terikat dengan waktu dan keadaan. Melihat kepada implementasi sistem e-pembelajaran yang meluas dalam IPT, menyebabkan wujudnya pengaruh terhadap kesejahteraan kakitangan akademik terutamanya aspek kualiti kehidupan kerja dan kepuasan kerja. Oleh itu, kajian rintis ini bertujuan untuk menilai tahap tanggapan kebergunaan dalam Technology Acceptance Model (TAM) terhadap sistem e-pembelajaran dan pengaruhnya terhadap kualiti kehidupan kerja serta kepuasan kerja kakitangan akademik di IPT Sabah. Menggunakan kaedah kuantitatif melalui analisis deskriptif dan inferensi (regresi mudah), hasil kajian menunjukkan tanggapan kebergunaan sistem e-pembelajaran mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kualiti kehidupan kerja dan kepuasan kerja kakitangan akademik. Kajian ini membuka ruang kepada penyelidik diluar untuk mengkaji dengan terperinci berhubung epembelajaran dan kesejahteraan kakitangan akademik.